

# Harith dominasi acara pecut

» Raih emas 200 meter lelaki dengan catatan masa 22.26 saat

Oleh Mohd Khairie Khalid  
khairie@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**H**arith Ammar Mohd Sobri meneruskan kecemerlangan dalam acara pecut apabila menambah pingat emas pada Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 di Stadium Arena, Universiti Malaya (UM), dekat sini, semalam.

Atlet ini yang mewakili UM memenangi pingat itu bagi acara 200 meter lelaki, dengan catatan masa 22.26 saat, mewaskan Mohamad Afif Zulhusmi Alet, dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang menamatkan larian di tempat kedua dengan catatan masa 22.44 saat.

Gangsa pula menjadi milik atlet Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Mohd Shahmimi Azmi, dengan catatan 22.66 saat.

Bagaimanapun, Harith Ammar mengakui masih belum berpuas hati dengan catatan masa itu.

"Masa larian saya masih tidak bagus, mungkin sebab acara final diadakan pada sebelah pagi. Selalunya sebelah petang, jadi ia mengganggu larian pada hari ini,

"Buat masa ini, saya nak bagi tumpuan pada Sukan Ma-



Chiew Hui Lian menamatkan larian dan **membantu** UPM memenangi acara 4X400 meter SUKIPT, semalam. Gambar kecil Harith Ammar Mohd Sobri.

laysia (SUKMA) di Perlis dan Sukan SEA, tahun depan. Tapi dalam masa sama, saya juga perlu berusaha kuat untuk layak ke Sukan Asia nanti," katanya yang juga pemenang emas pada acara 100 meter pada temasya ini.

## Raih perak di Sukan SEA

Pada Sukan SEA, Myanmar, tahun lalu, Harith Ammar membawa pulang pingat perak bagi acara 200 meter. Dia berhasrat membaiki prestasi dalam setiap kejohanan tahun ini untuk layak beraksi dalam Sukan Komanwel di Scotland pada Julai dan Sukan Asia di Incheon Korea Selatan, September ini.

Dalam pada itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul juara keseluruhan acara olah raga yang berakhir semalam.

Universiti berkenaan mengumpul 12 emas, lapan perak dan sembilan gangsa, manakala UiTM di tempat kedua dengan tujuh emas, tujuh perak dan dua gangsa.

UniMAP pula di kedudukan ketiga dengan membawa pulang tujuh emas, tiga perak dan lima gangsa.

Bagi rekod kejohanan acara olahraga, UniMAP mendominasi kedudukan dengan memecahkan rekod dalam lima acara.

Sementara itu, bekas atlet

pelapis negara, Chiew Hui Lian, mewakili UPM yang baru pulih dari kecederaan, November lalu berazam mendapatkan kembali tempat lamanya itu.

Katanya, dia perlu membuat catatan masa 12.20s dalam acara 100 meter untuk layak semula dan menjadikan SUKIPT serta SUKMA sebagai medan saingan.

"Saya menarik diri pada Mei tahun lalu kerana kecederaan hamstring dan tulang belakang. Saya perlukan masa 10 bulan untuk kembali mendapat rentak," katanya yang meraih emas acara 100 meter, 200 meter (perak), 4X100 meter (perak) dan 4X400 meter (emas).